


AUDIT DALAM QE/5S IBU PEJABAT JUPEM SIRI 1/2020

Audit Dalam QE/5S bilangan 1 Tahun 2020 telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2020. Taklimat pelaksanaan audit telah disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Audit iaitu Pengarah Ukur Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara, Sr Mohamed Sofian bin Abu Talib bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 7, Wisma JUPEM.

Seramai 30 orang Juru Audit yang terbahagi kepada 6 pasukan telah hadir ke sesi taklimat tersebut sebelum meneruskan aktiviti audit dalam ke Zon QE/5S yang ditetapkan. Hasil pelaksanaan audit tersebut, Zon Geospasial Pertahanan telah memperoleh markah tertinggi dengan markah sebanyak 92.4 peratus diikuti Zon Ehwal Persempadanan 86.8 peratus dan Zon Pangkalan Data Geospasial Negara sebanyak 84.9 peratus.



GRAF
KEPUTUSAN AUDIT DALAM PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S) SIRI 1/2020
IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

